

CNS4856

U GB 16-04 00203 BH851

AAB

MALAYSIA-SINGAPURA AKAN UTAMAKAN RUNDINGAN DEMI KEPENTINGAN BERSAMA
Mahathir - Singapura

JOHOR BAHRU, 16 April (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, Malaysia dan Singapura bersetuju untuk mengadakan rundingan dan perbincangan berkenaan apa juga perkara yang diambil oleh negara itu dan mempunyai kesan terhadap negara ini.

Rundingan dan perbincangan juga akan diadakan jika ada perkara yang diadakan oleh Malaysia dan akan mempunyai kesan pada negara jiran itu, katanya kepada pemberita selepas merasmikan kilang Titan Himont Plymers (M) Sdn Bhd di Pasir Gudang dekat sini.

Sambil menyifatkan hubungan kedua-dua negara berjiran itu sebagai +tidak begitu buruk+ walaupun beberapa peraturan di Singapura kebelakangan ini menjejaskan rakyat negara ini, Dr Mahathir berkata, beliau telahpun menghubungi Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong dan mencapai persetujuan untuk mengadakan perbincangan dan rundingan apabila perlu.

Mengenai beberapa peraturan yang dilaksanakan Singapura kebelakangan ini seperti yang menyentuh kemasukan kenderaan Malaysia ke republik itu, Dr Mahathir berpendapat sepatutnya perkara-perkara seperti itu dirundingkan dahulu dengan Malaysia.

Beliau berkata, soal beberapa peraturan yang dilaksanakan di Singapura itu yang memberi kesan kepada rakyat Malaysia telah dibincangkan pada pertemuannya dengan Badan Perhubungan UMNO Johor di sini tengah hari tadi.
-- Lagi.

▼16/04/21-16MST

CNS4859

U GB 16-04 00179 BH852

AAB

~~Mahathir - Singapura 3 (Akhir) Johor Baharu~~
Dr Mahathir berkata, Kerajaan Pusat juga akan mengadakan perundingan dengan Singapura berhubung soal laluan pesawat tentera republik itu di negeri Johor, ekoran beberapa kes pesawat terhempas di negeri ini.

Katanya, Kerajaan Pusat sedang mendapatkan maklumat lanjut mengenai perkara itu untuk membuat kajian mengenai kesan-kesan pada Malaysia ekoran laluan sekarang.

+Soal sama ada Malaysia akan meminta Singapura mengalihkan laluan penerbangan itu, akan ditentukan kemudian,+ tambah beliau.

Sementara itu semasa merasmikan kilang tersebut, Perdana Menteri berkata, jumlah pengeluaran gas asli cecair (LNG) negara dijangka meningkat kepada 11,500 juta tan setahun menjelang tahun 1995.

Pada tahun lepas, keluaran gas asli negara dianggarkan 7,600 juta tan dan bernilai \$3,845 juta.

+Menjelang tahun 1995, gas asli dijangka mencapai tahap 39 peratus daripada bekalan bahan-bakar komersil utama termasuk untuk penjanaan elektrik manakala tahap penggunaan minyak akan menurun kepada 52 peratus,+ katanya.

Ini bermakna pengaliran tukaran asing untuk membeli minyak akan berkurangan sementara hasil daripada eksport gas asli dan minyak tempatan akan bertembah, kata beliau. -- Lagi.

▼16/04/21-18MST

U GB 16-04 00169 BH853

AAB

Mahathir - Singapura 3 (Akhir) Johor Baharu

Dr Mahathir menambah kata bahawa di bawah Rancangan Malaysia ke-6, gas asli dijangka memainkan peranan yang lebih penting di dalam sektor-sektor komersil, industri, pengangkutan dan domestik.

Katanya, rasional kepada peningkatan penggunaan gas asli ialah oleh kerana rezab minyak mentah negara hanya dapat bertahan lebih kurang 15 tahun sahaja manakala rezab gas asli negara dijangka bertahan satu abad lagi.

Sehubungan itu, Petronas dijangka melabur lebih \$3,000 juta untuk projek pembesaran kompleks LNG di Bintulu serta mendirikan projek-projek petrokimia termasuk pengeluaran baja, polypropylene dan polyethylene resins secara usahasama dengan syarikat-syarikat gergasi.

Sementara itu kilang yang dirasmikan hari ini merupakan sebahagian daripada rancangan syarikat Titan Group untuk mendirikan kompleks petrokimia berharga lebih \$1,500 juta di Pasir Gudang yang dijangka siap sepenuhnya Jun 1993.

Rakan kongsi dalam projek ini melibatkan syarikat-syarikat dari Taiwan, Australia, United Kingdom, Amerika Syarikat, Itali dan Malaysia.

Kilang polyethylene yang dirasmikan hari ini mula mengeluarkan hasil akhir tahun lepas. -- Bernama.

▼16/04/21-23MST